

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	02/08/2017

Mahathir pernah disindir pemimpin Pakatan Harapan

KUALA LUMPUR 1 Ogos - Persoalan mengenai susur galur keturunan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah dibangkitkan sebelum ini oleh pimpinan Pakatan Harapan diketuai DAP.

Malah Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun berkata, kata-kata sindiran seperti 'mamak' dan sebagainya sering dilemparkan terhadap Dr. Mahathir terutama oleh Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan juga Penasihat DAP, Lim Kit Siang.

"Sebelum ini rakan-rakan beliau dalam Pakatan Harapan

sendiri yang sering bangkitkan hal ini. Jadi kenapa Dr. Mahathir malu sangat tentang keturunan Iskandar Kutty ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sebelum ini ketika berucap menutup Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kelana Jaya, Naib Presiden UMNO yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mendedahkan mengenai Dr. Mahathir yang menggunakan agenda Melayu untuk kepentingan politik dirinya sendiri.

Ahmad Zahid berkata, Dr. Ma-

hathir yang pernah menuduh bahawa orang Melayu mudah lupa itu juga berpunca daripada dirinya yang merupakan anak Iskandar Kutty.

Menurut Khairul Azwan, bekas Perdana Menteri itu sendiri juga dilihat telah hilang semangat Melayu apabila cuba merosakkan perpaduan dalam kalangan orang Melayu.

"Dr. Mahathir cuba melaga-lagakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya, Ahmad Zahid malah banyak lagi perbuatan Dr. Mahathir yang menunjukkan beliau tiada semangat Melayu," katanya.

UM - 2/8/2017 Pg. 13